

SULIT

**NO. KAD PENGENALAN**

ANGKA GILIRAN



**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

# **SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2012**

5226/1

TASAWWUR ISLAM

Kertas 1

Nov./Dis.

$1\frac{1}{4}$  jam

**Satu jam lima belas minit**

## **JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.
  2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
  3. Jawab **semua** bahagian.
  4. **Bahagian A** mengandungi **20** soalan. Jawab setiap soalan dengan menghitamkan ruangan yang betul di halaman 12 dalam kertas soalan ini.
  5. **Bahagian B** mengandungi **20** soalan. Jawab **semua** soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
  6. Anda dinasihati supaya mengambil masa 30 minit untuk menjawab soalan **Bahagian A** dan 45 minit untuk **Bahagian B**.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	<b>1 - 20</b>	20	
B	<b>21 - 40</b>	20	
<b>Jumlah</b>		40	

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

**5226/1** © 2012 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

SULIT



**Bahagian A***[20 markah]*

- 1 Nabi Muhammad SAW, nabi Isa a.s., nabi Nuh a.s. dan nabi Musa a.s. ialah empat rasul Ulul Azmi.  
Siapakah seorang lagi rasul Ulul Azmi?
- A Nabi Adam a.s.  
B Nabi Yusuf a.s.  
C Nabi Ibrahim a.s.  
D Nabi Yaakob a.s.
- 2 Antara yang berikut yang manakah cara untuk menghayati sifat rabbaniyyah?
- I Mengamalkan akhlak mulia  
II Menuntut ilmu pengetahuan  
III Melaksanakan segala kemahuan hidup  
IV Meninggalkan segala larangan Allah SWT
- A I, II dan III  
B I, II dan IV  
C I, III dan IV  
D II, III dan IV
- 3 Pilih istilah yang betul berdasarkan pernyataan di bawah.

	<b>Istilah</b>	<b>Pernyataan</b>
A	Al-Quran	Merupakan wahyu yang terakhir.
B	Al-Hadis	Terhad kepada segala perbuatan Rasulullah SAW.
C	Wahyu	Diturunkan hanya kepada Rasulullah SAW.
D	Akal	Mampu memikirkan perkara ghaib.

Ustaz Lutfi : Ada tiga matlamat sistem kehakiman, pertama membela yang dizalimi, kedua menentang kezaliman.  
Apakah matlamat yang ketiga, Latifah?

Latifah : .....

- 4 Berdasarkan dialog di atas, pilih jawapan yang sepatutnya dijawab oleh Latifah.
- A Menegakkan keadilan  
B Menjatuhkan hukuman  
C Mendidik jiwa manusia  
D Menyeru ke arah kebaikan
- 5 Pilih pernyataan yang **salah** berdasarkan pernyataan di bawah mengenai tanggungjawab manusia dan contohnya.

	Tanggungjawab manusia	Contoh
A	Terhadap Allah SWT	Melaksanakan segala perintah-Nya.
B	Terhadap makhluk	Memanfaatkan segala isi alam.
C	Terhadap keluarga	Menyediakan kemudahan awam.
D	Terhadap masyarakat	Mengawasi tingkah laku pelajar.

- 6 Antara yang berikut yang manakah peraturan dalam pemilikan harta?
- A Harta mesti disimpan keseluruhannya.  
B Harta wajib dibelanjakan mengikut keinginan.  
C Harta boleh diperoleh daripada pelbagai sumber.  
D Harta yang diperoleh perlu ditunaikan kewajipannya.
- 7 Kelebihan muamalah Islam terhadap hubungan sesama manusia ialah
- A menyimpan wang hasil perniagaan  
B mendapatkan keredaan daripada Allah SWT  
C melahirkan semangat tolong-menolong dan bekerjasama  
D menambahkan pahala sekiranya diniatkan sebagai ibadat

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

- 8 Apakah implikasi pengabaian muamalah Islam terhadap sesebuah masyarakat?
- I Mementingkan diri sendiri
  - II Berlaku kemelesetan ekonomi
  - III Menimbulkan permusuhan dan pergaduhan
  - IV Menghilangkan semangat bekerjasama dan bantu-membantu
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV
- 9 Apakah maksud perkahwinan menurut syarak?
- A Pertalian antara suami dengan isteri untuk membina keluarga bahagia.
  - B Perjanjian yang sah antara lelaki dengan perempuan untuk hidup bersama.
  - C Hubungan yang teguh antara suami dengan isteri dalam tempoh masa tertentu.
  - D Ikatan yang teguh antara lelaki dengan perempuan melalui akad nikah yang sah.
- 10 Memakai pakaian yang berbau busuk ketika menunaikan solat ialah contoh hukum
- A haram
  - B makruh
  - C sunat
  - D wajib
- 11 Antara yang berikut yang manakah menerangkan tentang keistimewaan manusia?
- A Dicipta daripada tanah
  - B Mampu membina tamadun
  - C Boleh memikirkan zat Allah SWT
  - D Sentiasa mentaati perintah Allah SWT
- 12 Kalimah syahadah merupakan paksi kepada tauhid
- A rububiyyah
  - B uluhiiyah
  - C syumuliyyah
  - D rabbaniyyah

- 13** Antara yang berikut yang manakah **bukan** sumber rujukan agama budaya?
- A Wahyu  
 B Cita-cita  
 C Pemikiran  
 D Pengalaman
- 14** Pilih padanan yang betul berdasarkan pernyataan di bawah mengenai sumber harta yang haram dan contohnya.

	Sumber harta yang haram	Contoh
A	Melalui barang yang haram	Ceti haram
B	Melalui barang yang haram	Rasuah
C	Perkhidmatan yang bertentangan dengan syarak	Penjualan arak
D	Perkhidmatan yang bertentangan dengan syarak	Tilik nasib

- 15** Antara yang berikut yang manakah matlamat penyelesaian masalah terhadap individu?
- I Mengukuhkan semangat perpaduan  
 II Menegakkan keadilan dalam semua aspek  
 III Menambahkan keimanan kepada Allah SWT  
 IV Memberikan ketenangan jiwa dalam kehidupan
- A I dan II  
 B II dan III  
 C III dan IV  
 D I dan IV
- 16** Semua yang berikut ialah kesan kesungguhan bekerja kepada individu **kecuali**
- A merangsang pertumbuhan ekonomi  
 B memupuk sikap berdikari  
 C meningkatkan daya saing  
 D menaikkan taraf hidup

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

Kefahaman tentang hukum amali yang diijtihadkan oleh para mujtahid yang diambil daripada dalil-dalil syarak.

- 17 Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian
- A Ijmak  
B Fikah  
C Fatwa  
D Qadha
- 18 Pilih jawapan yang betul mengenai kepentingan sistem kehakiman Islam.
- A Mendidik jiwa manusia  
B Menjatuhkan hukuman yang adil  
C Membebaskan tertuduh jika ada keraguan  
D Tidak menjatuhkan hukuman ketika marah
- 19 Menurut al-Quran, asal kejadian manusia bermula daripada penciptaan
- A roh  
B tanah  
C air mani  
D Adam a.s.
- 20 Apakah hikmah penetapan hukum harus dalam Islam?
- A Memastikan manusia melakukan kebaikan  
B Menghapuskan dosa-dosa kecil yang dilakukan  
C Memastikan manusia melakukan perkara asas dalam agama  
D Memberikan kebebasan untuk melakukan atau meninggalkan sesuatu perbuatan

**Bahagian B**

[20 markah]

**Soalan 21 hingga Soalan 24**

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut pada ruangan yang disediakan berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

Rasuah	Riba	Haram
Mukjizat	Tawakal	Makruh

- 21 Perkara luar biasa yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada nabi dan rasul untuk membuktikan kebenaran kenabian dan kerasulan serta melemahkan musuh-musuh mereka.   1
- 22 Berserah diri kepada ketentuan Allah SWT setelah berusaha bersungguh-sungguh melakukan sesuatu.   1
- 23 Memberi sesuatu barang berharga kepada seseorang sebagai jaminan untuk mendapatkan sesuatu daripadanya.   1
- 24 Hukum Allah SWT yang mesti ditinggalkan. Jika meninggakkannya, manusia akan diberikan pahala dan syurga tetapi jika ingkar kepada larangan Allah SWT, manusia akan dibalas dengan dosa dan azab neraka.   1

**Soalan 25 hingga Soalan 28**

Lengkapkan pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan:

al-bai' bithaman ajil	insan	al-Wadiah
taubat	rabbani	alam ghaib

- 25 Beriman dengan \_\_\_\_\_ termasuk perkara yang mesti diyakini oleh setiap umat Islam.   1
- 26 Prinsip kehakiman Islam dapat menjamin kesejahteraan manusia sangat kerana ianya bersifat \_\_\_\_\_.   1
- 27 Dalam sistem perbankan Islam, \_\_\_\_\_ bermaksud kontrak jual beli barang dengan bayaran tertangguh termasuk keuntungannya. Pembeli membayar secara ansuran dalam tempoh tertentu yang telah dipersetujui bersama.   1
- 28 Tindakan seseorang yang menyesali perbuatan dosanya dan berazam tidak akan mengulanginya lagi dikenali sebagai \_\_\_\_\_.   1

**[Lihat halaman sebelah**  
**SULIT**


**Soalan 29 hingga Soalan 32**

Pilih antara P, Q, R atau S dan tulis jawapan anda di ruangan jawapan yang disediakan.

P	Qias	Q	Khalifah
R	Karamah	S	Ijtihad

No. Soalan	Pernyataan	Jawapan
29	Manusia ialah makhluk ciptaan Allah SWT yang diberi tanggungjawab untuk mengurus dan memakmurkan alam.	.....
30	Menyandarkan sesuatu hukum yang tiada hukumnya mengikut nas kepada sesuatu hukum asal yang mempunyai nas kerana wujudnya persamaan sebab (illah).	.....
31	Perkara luar biasa yang berlaku kepada manusia biasa yang tinggi darjatnya di sisi Allah SWT.	.....
32	Memberi peluang kepada para ulama untuk mengeluarkan hukum yang tidak dinyatakan di dalam al-Quran dan Hadis.	.....

**Soalan 33 dan Soalan 34** berdasarkan Carta A di bawah.




Carta A

33 T ialah hadis \_\_\_\_\_.

34 U ialah hadis \_\_\_\_\_.

**Soalan 35 dan Soalan 36** berdasarkan Carta B di bawah.  
Carta di bawah merujuk kepada cara pembubaran perkahwinan dalam Islam.



35 V ialah \_\_\_\_\_.

1

36 W ialah \_\_\_\_\_.

1

### Soalan 37 hingga Soalan 40

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul.

Tandakan (X) pada pernyataan yang salah.

37 Agama budaya sesuai dengan fitrah kejadian manusia kerana bersifat syumul, universal dan tidak terhad kepada satu-satu bangsa atau kaum.

1

38 Materialisme ialah fahaman yang mempercayai bahawa hanya bendalah yang menyebabkan terjadinya segala sesuatu di dunia ini.

1

39 Menjadikan harta sebagai matlamat hidup merupakan antara ciri muamalah Islam.

1

40 Perpaduan ummah menurut Islam bermaksud sebuah masyarakat yang hidup tanpa berdasarkan keturunan, warna kulit dan bahasa masing-masing.

1

### KERTAS SOALAN TAMAT

Markah  
Bahagian B

**KERTAS JAWAPAN****Bahagian A**

- |           |                                  |                                  |                                  |                                  |           |                                  |                                  |                                  |                                  |
|-----------|----------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|-----------|----------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|
| <b>1</b>  | <input type="radio"/> <b>(A)</b> | <input type="radio"/> <b>(B)</b> | <input type="radio"/> <b>(C)</b> | <input type="radio"/> <b>(D)</b> | <b>11</b> | <input type="radio"/> <b>(A)</b> | <input type="radio"/> <b>(B)</b> | <input type="radio"/> <b>(C)</b> | <input type="radio"/> <b>(D)</b> |
| <b>2</b>  | <input type="radio"/> <b>(A)</b> | <input type="radio"/> <b>(B)</b> | <input type="radio"/> <b>(C)</b> | <input type="radio"/> <b>(D)</b> | <b>12</b> | <input type="radio"/> <b>(A)</b> | <input type="radio"/> <b>(B)</b> | <input type="radio"/> <b>(C)</b> | <input type="radio"/> <b>(D)</b> |
| <b>3</b>  | <input type="radio"/> <b>(A)</b> | <input type="radio"/> <b>(B)</b> | <input type="radio"/> <b>(C)</b> | <input type="radio"/> <b>(D)</b> | <b>13</b> | <input type="radio"/> <b>(A)</b> | <input type="radio"/> <b>(B)</b> | <input type="radio"/> <b>(C)</b> | <input type="radio"/> <b>(D)</b> |
| <b>4</b>  | <input type="radio"/> <b>(A)</b> | <input type="radio"/> <b>(B)</b> | <input type="radio"/> <b>(C)</b> | <input type="radio"/> <b>(D)</b> | <b>14</b> | <input type="radio"/> <b>(A)</b> | <input type="radio"/> <b>(B)</b> | <input type="radio"/> <b>(C)</b> | <input type="radio"/> <b>(D)</b> |
| <b>5</b>  | <input type="radio"/> <b>(A)</b> | <input type="radio"/> <b>(B)</b> | <input type="radio"/> <b>(C)</b> | <input type="radio"/> <b>(D)</b> | <b>15</b> | <input type="radio"/> <b>(A)</b> | <input type="radio"/> <b>(B)</b> | <input type="radio"/> <b>(C)</b> | <input type="radio"/> <b>(D)</b> |
| <b>6</b>  | <input type="radio"/> <b>(A)</b> | <input type="radio"/> <b>(B)</b> | <input type="radio"/> <b>(C)</b> | <input type="radio"/> <b>(D)</b> | <b>16</b> | <input type="radio"/> <b>(A)</b> | <input type="radio"/> <b>(B)</b> | <input type="radio"/> <b>(C)</b> | <input type="radio"/> <b>(D)</b> |
| <b>7</b>  | <input type="radio"/> <b>(A)</b> | <input type="radio"/> <b>(B)</b> | <input type="radio"/> <b>(C)</b> | <input type="radio"/> <b>(D)</b> | <b>17</b> | <input type="radio"/> <b>(A)</b> | <input type="radio"/> <b>(B)</b> | <input type="radio"/> <b>(C)</b> | <input type="radio"/> <b>(D)</b> |
| <b>8</b>  | <input type="radio"/> <b>(A)</b> | <input type="radio"/> <b>(B)</b> | <input type="radio"/> <b>(C)</b> | <input type="radio"/> <b>(D)</b> | <b>18</b> | <input type="radio"/> <b>(A)</b> | <input type="radio"/> <b>(B)</b> | <input type="radio"/> <b>(C)</b> | <input type="radio"/> <b>(D)</b> |
| <b>9</b>  | <input type="radio"/> <b>(A)</b> | <input type="radio"/> <b>(B)</b> | <input type="radio"/> <b>(C)</b> | <input type="radio"/> <b>(D)</b> | <b>19</b> | <input type="radio"/> <b>(A)</b> | <input type="radio"/> <b>(B)</b> | <input type="radio"/> <b>(C)</b> | <input type="radio"/> <b>(D)</b> |
| <b>10</b> | <input type="radio"/> <b>(A)</b> | <input type="radio"/> <b>(B)</b> | <input type="radio"/> <b>(C)</b> | <input type="radio"/> <b>(D)</b> | <b>20</b> | <input type="radio"/> <b>(A)</b> | <input type="radio"/> <b>(B)</b> | <input type="radio"/> <b>(C)</b> | <input type="radio"/> <b>(D)</b> |

<b>Markah Bahagian A</b>

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2012**

**5226/2**

**TASAWWUR ISLAM**

**Kertas 2**

**Nov./Dis.**

**2 $\frac{1}{2}$  jam**

**Dua jam tiga puluh minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi tujuh soalan.*
2. *Soalan 1 mesti dijawab. Kemudian jawab empat soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.*
3. *Kesemuanya lima soalan yang mesti dijawab.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang dalam buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak dan 4 halaman tidak bercetak.

**[Lihat halaman sebelah**



**Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

- 1** (a) (i) Nyatakan pengertian rasul. [2 markah]  
(ii) Jelaskan **dua** peranan rasul. [4 markah]
- (b) Terangkan **dua** cara wahyu diturunkan kepada Rasulullah SAW. [4 markah]
- (c) (i) Apakah maksud ilmu fardu kifayah? [2 markah]  
(ii) Senaraikan **empat** contoh ilmu fardu kifayah. [4 markah]
- (d) Terangkan **dua** cara berfikir yang menepati syarak. [4 markah]
- 2** (a) Islam adalah agama langit (samawi) yang bersifat rabbaniyyah.  
(i) Nyatakan **empat** ciri agama langit. [4 markah]  
(ii) Terangkan **dua** prinsip rabbaniyyah. [4 markah]
- (b) (i) Terangkan **dua** prinsip waqi'iyyah. [4 markah]  
(ii) Huraikan **dua** hujah Islam mampu diamalkan oleh semua golongan manusia sebagaimana dalam prinsip waqi'iyyah. [4 markah]
- (c) Jelaskan **dua** konsep syumuliyyah dalam bidang ekonomi. [4 markah]
- 3** (a) (i) Senaraikan **empat** ciri negara Islam. [4 markah]  
(ii) Jelaskan **dua** matlamat pembentukan negara Islam. [4 markah]
- (b) Terangkan **dua** etika hakim ketika melaksanakan prosedur kehakiman. [4 markah]
- (c) (i) Terangkan maksud ibadat berserta bahagiannya. [4 markah]  
(ii) Jelaskan **dua** syarat amalan harian diterima sebagai ibadat di sisi Allah SWT. [4 markah]

- 4 (a) Senaraikan **empat** etika kerja menurut Islam. [4 markah]

Antara matlamat muamalah Islam ialah melahirkan masyarakat yang saling bantu-membantu antara satu sama lain.

- (b) (i) Selain daripada pernyataan di atas, terangkan **dua** matlamat muamalah Islam. [4 markah]
- (ii) Huraikan **dua** cara muamalah Islam berdasarkan pernyataan di atas. [4 markah]
- (c) Islam melarang umatnya melakukan perniagaan yang mengandungi unsur monopoli. Terangkan **dua** sebab Islam melarang perbuatan tersebut. [4 markah]
- (d) Terangkan **dua** kesan muamalah Islam terhadap negara. [4 markah]
- 5 (a) Jelaskan **dua** bukti keunggulan perundangan Islam. [4 markah]
- (b) Huraikan **dua** keperluan fatwa kepada umat Islam. [4 markah]
- (c) Terangkan pengertian hukum makruh berserta **dua** contoh. [4 markah]
- (d) Jelaskan **dua** cara untuk mengelakkan sesuatu ibadat menjadi sia-sia. [4 markah]
- (e) Terangkan **dua** sebab perkahwinan dituntut dalam Islam. [4 markah]
- 6 (a) Islam sentiasa menggalakkan umatnya supaya berusaha untuk memantapkan ekonomi.
- (i) Jelaskan **dua** kelebihan umat Islam yang memiliki kemantapan ekonomi. [4 markah]
- (ii) Cadangkan **empat** cara yang dapat anda lakukan untuk membantu memantapkan ekonomi keluarga. [4 markah]
- (b) Kemiskinan boleh membawa kepada kekufuran. Huraikan **dua** punca keadaan tersebut boleh berlaku. [4 markah]
- (c) Jelaskan **dua** matlamat penyelesaian masalah terhadap individu menurut Islam. [4 markah]
- (d) Hukuman yang ditetapkan dalam hukum jenayah Islam mampu mengawal perbuatan manusia. Huraikan **dua** hujah untuk menyokong pernyataan tersebut. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

Kecemerlangan pendidikan bermaksud kejayaan dalam keperibadian manusia yang melibatkan perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelek.

- 7 (a) (i) Berdasarkan pernyataan di atas, senaraikan **empat** contoh kecemerlangan pendidikan. [4 markah]
- (ii) Terangkan **tiga** cara untuk menjadi pelajar yang cemerlang dalam pendidikan. [6 markah]
- (iii) Jelaskan **tiga** kesan kepada pelajar yang tidak memiliki kecemerlangan pendidikan. [6 markah]

Seorang pemandu ditahan kerana cuba menghulurkan sejumlah wang kepada penguatkuasa untuk mengelakkan diri daripada dikenakan tindakan undang-undang.

- (b) (i) Berdasarkan situasi di atas, namakan jenis kesalahan yang menyebabkan pemandu tersebut ditahan. [2 markah]
- (ii) Apakah jenis hukum jenayah Islam yang perlu dikenakan kepada pemandu tersebut? [2 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**